

13 MAY 2001

Sukan-SEA (Obor)

LARIAN OBOR KUNJUNGI KOMPLEKS BELI BELAH DAN HOTEL SEKITAR IPOH

IPOH, 13 Mei (Bernama) -- Larian Obor Sukan SEA ke-21 yang masuk hari ketujuh di Perak hari ini mengunjungi beberapa kompleks membeli belah dan hotel-hotel sekitar Ipoh membabitkan larian sejauh 18 km.

Larian Obor hari ini yang diadakan serentak dengan Larian Belia sempena sambutan Hari Belia Negara di Perak tahun ini, bermula 7.30 pagi tadi yang dilepaskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Tenaga Manusia, Belia dan Sukan Negeri Datuk Jamal Nasir Rasdi di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Perak.

Larian hari ini disertai seramai 35 orang bekas atlit Perak yang berasal dari Daerah Kinta dan diketuai oleh bekas atlit olahraga Perak, G.N. Kutty yang berusia 61 tahun.

Bekas atlit yang ikut serta antaranya ialah bekas jaguh olahraga kebangsaan, Josephine Mary, Shaharuddin Kassim dan Samson Vellabouy serta bekas pemain hoki wanita negara Juriah Abdul Wahab.

Destinasi pertama ialah Greentown Mall diikuti Hotel Syuen, Ipoh Parade, Hotel Casuarina Park Royal dan Kinta City sebelum berakhir di Kompleks Belia dan Sukan.

Hari ini ialah hari kedua obor berada di Ipoh selepas tiba dari Parit petang semalam dan akan berada di Ipoh sehingga hari Selasa iaitu hari kemuncak bagi Sambutan Hari Belia Negara 2001.

Larian obor akan bersambung esok dan bermula pukul 9 pagi di Kompleks Belia dan Sukan akan mengunjungi sekolah dan institusi pendidikan sekitar Ipoh dan berakhir juga di Kompleks Belia dan Sukan.

Pada hari Selasa pula larian obor akan mengunjungi taman permainan dan kemudahan awam sebelum ianya dibawa ke Stadium Perak pada pukul 8 malam di mana di situ Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Hari Belia Negara 2001

Obor itu dijangka menjelajah negeri Perak selama 18 hari, sejauh kira-kira 860 Km.

Selepas berada di bandaraya Ipoh obor itu akan memulakan larian ke Kampung Gajah pada hari Rabu.

-- BERNAMA

KAY FAZ